

**Kerajaan Berusaha Pastikan Pembangunan Ilmu Generasi Baharu Felda: Najib Bernama**  
**20 September, 2012**

PUTRAJAYA, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan sentiasa berusaha membangunkan generasi baharu Felda serta memperkasakan generasi itu dengan peluang menimba ilmu yang sebaik mungkin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata selain itu mereka turut diberi peluang menimba pengalaman-pengalaman baharu dan pengetahuan terkini sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Saya berbangga bahawa apa yang diimpikan sejak 2005 di bawah strategi baharu abad ke-21 dan 50 tahun akan datang, kita telah mengariskan salah satu terasnya...mesti berusaha membangunkan pewaris-pewaris kita iaitu generasi baharu Felda.

"Kalau generasi pertama meneroka tanah, generasi kedua dan ketiga menjadi peneroka minda dalam abad ke-21," katanya semasa berucap pada majlis jamuan tengah hari bersama pelajar-pelajar generasi baharu Felda di Seri Perdana di sini Khamis.

Majlis anjuran Universiti Lim Kok Wing itu bagi meraikan 100 pelajar Felda yang telah dipilih mengikuti Program Jelajah Pembelajaran Generasi Baru ke London, dari 24 Sept ini hingga 18 Jan tahun depan.

Perdana Menteri berkata Felda berjaya selama ini kerana berbudi kepada tanah menerusi titik peluh dan susah payah para peneroka.

"Transformasi pertama ialah (peneroka) daripada tidak memiliki tanah kepada mereka yang memiliki tanah dengan pendapatan boleh dikatakan jauh lebih baik dan lebih terjamin daripada masa dulu," katanya.

Sehinggakan, katanya ramai menganggap betapa bertuahnyanya para peneroka Felda di negara ini dan ramai juga menyesal kerana tidak memohon menjadi warga Felda.

"Tetapi usaha kita tidak sepatutnya berhenti setakat itu, kita mesti melihat jauh ke hadapan, mesti bersifat futuristik, kalau masih di takuk lama kita tidak akan maju ke hadapan," katanya.

Justeru itu, Najib berkata punca-punca kejayaan secara tradisional sebelum ini perlu digantikan dengan punca-punca kekayaan baharu pada abad ke-21 menerusi ilmu, teknologi dan inovasi.

"Sebab itu itulah kita buat program tersebut sebagai persediaan meniti arus globalisasi agar tidak ketinggalan dalam persaingan di dunia yang penuh cabaran.

"Berbeza dengan ada puak-puak di luar yang cuma pandai mengkritik dan lebih dahsyat menabur fitnah, tetapi mereka tidak ada jasa kepada masyarakat Felda, tolak ketepi puak-puak itu kerana masa depan kita ialah mencari ilmu dan membina generasi baharu," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan hasrat mahu melihat generasi baharu Felda mampu menjadi jurutera yang berupaya membaiki kapal terbang dan bukan sekadar membaiki motosikal serta berupaya menjadi pakar-pakar yang boleh menjana inovasi dan produktiviti.

Najib berharap generasi baharu Felda dapat menjadi pewaris yang dibanggakan bukan sahaja oleh golongan peneroka Felda tetapi juga negara.

"Buatlah apa yang patut dan janganlah buat apa yang tidak patut. Apa yang baik di sana (London) kita terima yang tidak baik biarkan, kita dengan cara kita dan yang penting minda kita lebih terbuka," katanya.

Perdana Menteri berkata konsep perkongsian kejayaan Felda itu juga akan diperluaskan untuk memberi latihan kepada generasi baharu bukan sahaja daripada Felda tetapi berasal dari kampung-kampung tradisional.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695969>